

**PERKEMBANGAN KEGIATAN PERUSAHAAN DALAM KALANGAN
MASYARAKAT MELAYU DI TERENGGANU, 1900-1941**

***THE DEVELOPMENT OF INDUSTRY ACTIVITIES AMONG MALAYS IN
TERENGGANU, 1900-1941***

Norazilawati Abd Wahab*

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

Arba'iyah Mohd Noor**

**Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, Malaysia**

Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim***

**Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan,
Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia**

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneliti sejauh mana kegiatan perusahaan seperti perusahaan tekstil, tembaga dan perahu yang dijalankan oleh masyarakat Melayu di Terengganu pada tahun 1900 hingga 1941 mampu meningkatkan sumber pendapatan masyarakat Melayu dan negeri. Sebelum ini, banyak kajian yang dijalankan mengenai Terengganu hanya memfokuskan tentang kegiatan ekonomi berbentuk komersial semata-mata seperti perlombongan, penanaman getah dan perikanan. Namun, jarang sekali dikaji bagaimana perubahan dan perkembangan yang dialami oleh masyarakat Melayu di Terengganu berpunca daripada perkembangan kegiatan perusahaan yang melibatkan hasil kerja tangan sepenuhnya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan dan analisis data daripada sumber-sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia seperti CO 840/1 (*Terengganu Administration Report, 1910-1930*), CO 840/2 (*Terengganu Administration Report 1931-1940*), Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan Fail British Adviser Terengganu. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal, buku, bab buku dan majalah bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Hasil kajian mendapati ekonomi perusahaan dari tahun 1900 sehingga 1941 turut menjadi antara aktiviti terpenting di Terengganu seiring dengan ekonomi berbentuk komersial seperti perlombongan, penanaman getah dan perikanan. Kegiatan perusahaan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu berjaya menyumbang pendapatan ramai pengusaha dan meningkatkan pendapatan ekonomi negeri pada ketika itu. kegiatan perusahaan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu berjaya menyumbang pendapatan ramai pengusaha dan meningkatkan pendapatan ekonomi negeri pada ketika itu.

Kata kunci: Kegiatan Perusahaan, Masyarakat Melayu, Terengganu

Abstract

This study aimed to examine the extent to which industrial activities namely textile, copper and boat industries carried out by the Malay community in Terengganu from 1900 to 1941 were able to increase the income of the Malay community and the state itself. Many previous studies that had been conducted on Terengganu only focused on commercial economic activities such as mining, rubber cultivation and fisheries. However, how the changes and developments experienced by the Malay community in Terengganu stem from the development of industrial activities that involved handicrafts entirely had been rarely studied. This study used a qualitative method that involved the collection and analysis of data from primary sources obtained from the National Archives of Malaysia such as CO 840/1 (Terengganu Administration Report, 1910-1930), CO 840/2 (Terengganu Administration Report 1931-1940), Terengganu State Secretary File and Terengganu British Adviser File. In addition, secondary sources were also used such as journals, books, book chapters and magazines to further strengthen the study conducted. The results of the study found that the industrial economy from 1900 to 1941 was one of the most important activities in Terengganu along with the commercial economy such as mining, rubber cultivation and fisheries. In fact, the industrial activities carried out by the Malay community also contributed to the income of many entrepreneurs and increased the state's economic income at that time.

Keywords: *Industrial Activities, Malay Community, Terengganu*

Pengenalan

Kegiatan perusahaan¹ seperti kegiatan perusahaan tekstil, kegiatan perusahaan perahu dan kegiatan perusahaan tembaga merupakan kegiatan yang cukup berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu pada abad ke-20. Sejalan dengan perkembangan yang berlaku, di situlah titik perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu berubah apabila kegiatan ini mula dijadikan sebagai salah satu pendapatan hidup. Sebelum teretusnya kegiatan ekonomi berbentuk perusahaan ini, kebanyakan masyarakat Melayu lebih memfokuskan kepada kegiatan pertanian seperti penanaman padi dan juga kegiatan perikanan. Ini kerana, kebanyakan mereka merupakan seorang petani yang bekerja di atas tanah milik kerajaan manakala kegiatan perikanan pula sebagai seorang nelayan dan pengusaha hasil perikanan. Walau bagaimanapun, setelah berlaku perubahan daripada aspek gaya hidup yang memerlukan pendapatan dan sumber makanan apabila musim tengkujuh mulai tiba, masyarakat Melayu mula menjadikan kegiatan ini sebagai salah satu kegiatan ekonomi utama pada ketika itu. Malah, golongan pemerintah juga menjadikan kegiatan ini sebagai lubuk emas untuk menjana pendapatan sama ada kepada negeri mahupun kepada pengusaha itu sendiri. Oleh itu, kajian ini akan meneliti sejauh mana kegiatan perusahaan seperti perusahaan tekstil, perusahaan perahu dan perusahaan tembaga yang dijalankan oleh masyarakat Melayu di Terengganu pada tahun 1900 hingga 1941 mampu meningkatkan sumber pendapatan masyarakat Melayu dan negeri pada ketika itu.

Kegiatan Perusahaan Di Terengganu Pada Abad Ke-20

Ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1866-1819) dan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920-1941), struktur ekonomi di Terengganu telah membawa perubahan kepada masyarakat Melayu ke arah pembangunan komunal yang seimbang. Kerajaan Melayu yang

terbentuk dengan berpaksikan kegiatan perdagangan sebagai punca pendapatan utama pada ketika itu telah menjadi pendorong wujudnya artikulasi antara sultan dan masyarakat.² Dengan pencapaian yang semakin memberangsangkan, pada tahun 1921 Penasihat British yang pertama di Terengganu iaitu J.L. Humphreys Walter,³ mula menjalankan dasar persahabatan dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang bertujuan untuk memaju dan memodenkan Negeri Terengganu dalam pelbagai bidang ekonomi yang berbentuk perusahaan.⁴ Dengan kerjasama yang dijalankan, berlaku kepelbagaian kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu pada ketika itu.

Jadual 1: Penglibatan Masyarakat di Terengganu dalam Bidang Artisan

| Pekerjaan | Lelaki (orang) | Perempuan (orang) |
|--|----------------|-------------------|
| Artisan | 34,380 | 37,139 |
| Penenun Songket/Sarong | - | 13,937 |
| Penukang Mahir (perahu,boat dan kapal) | 663 | - |
| Tukang Tembaga | 139 | - |

Sumber: *Census Returns of Trengganu 1912, Secretariat Selangor 2258/1912*

Jadual di atas menunjukkan jumlah penglibatan pengusaha lelaki dan wanita dalam pelbagai kegiatan perusahaan di Terengganu. Ia dapat dilihat dalam pekerjaan artisan, terdapat sejumlah 34,380 orang lelaki yang terlibat manakala wanita seramai 37,139. Manakala penenun songket pula, tiada penglibatan golongan lelaki dan wanita seramai 13,937 orang. Melihat penglibatan golongan lelaki dalam kegiatan perusahaan perahu, bot dan kapal, terdapat seramai 663 orang manakala tiada penglibatan golongan wanita dalam ketuga-tiga kegiatan. Selain itu, dalam kegiatan perusahaan tembaga pula, terdapat seramai 139 orang lelaki yang terlibat manakala tiada penglibatan wanita dalam kegiatan perusahaan tembaga pada ketika itu. Penglibatan golongan lelaki dan wanita dalam pelbagai kegiatan perusahaan di Terengganu, memperlihatkan kepesatan pembangunan ekonomi.⁵ Dengan pembangunan ini, tidak mustahil golongan atasan pada ketika memberikan galakan sepenuhnya kepada kegiatan perusahaan. Besarnya pengaruh kegiatan perusahaan, secara langsung membuka peluang pekerjaan yang besar kepada masyarakat Melayu. Pada akhir abad ke-19 dan menjelang awal abad ke-20, keperluan atau keinginan untuk memajukan kegiatan ekonomi perusahaan berpunca setelah peluang-peluang pasaran mula terbuka luas kesan kemasukan kepakaran ke Terengganu pada ketika itu. Perkara ini secara langsung membuka selera dan keinginan golongan atasan untuk mengejar peluang-peluang ekonomi baharu ini dan memaksa mereka mara ke kawasan-kawasan desa untuk mencetuskan perubahan besar di kawasan luar bandar Terengganu. Kelebihan kerana mempunyai latar belakang perniagaan dan juga perdagangan dalam kalangan masyarakat Melayu secara langsung mewujudkan satu rangkaian perniagaan yang besar sehingga berjaya membawa mereka berdagang ke arah utara seperti Siam, Kemboja, Kochinchina dan China. Manakala ke arah selatan pula, mereka turut berdagang sehingga ke Jawa, Sumatera, Kepulauan Moluku dan lain-lain.⁶

Bermula dengan hasil yang sederhana pada peringkat awal sehingga membawa hasil yang agak lumayan pada tahun-tahun yang berikutnya, membawa kepada kebergantungan pihak kerajaan terhadap sumber-sumber perusahaan terutamanya hasil pembuatan perahu,

tembaga, tenunan, besi dan produk-produk makanan. Istimewanya hasil-hasil perusahaan Terengganu pada abad ke-20 dari kaca mata kerajaan membawa pengiktirafan hasil-hasil tersebut sehingga ke tahap *Malaya-Borneo Exhibition (M.B.E)*. Walaupun Terengganu merupakan negeri yang agak lambat menghantar hasil-hasil perusahaan ke peringkat M.B.E, namun dengan peranan penting yang dimainkan oleh badan tersebut, secara langsung membuka ruang kepada Terengganu untuk memperoleh pingat dan sijil apabila menyertai pameran-pameran yang dianjurkan oleh M.B.E.⁷

Kajian menunjukkan bahawa kegiatan perusahaan tekstil, tembaga, perahu dan kegiatan perusahaan lain merupakan antara kegiatan ekonomi yang mampu mengungguli ekonomi negeri sekitar abad ke-20. Sejajar dengan perkembangan pelbagai kegiatan perusahaan, tidak mustahil pihak kerajaan begitu berminat untuk memberikan bantuan kepada mana-mana pengusaha yang terlibat. Sebagai contoh, sebanyak \$500 setiap bulan telah diperuntukkan kepada pengusaha yang terlibat dalam kegiatan perusahaan agar mereka sentiasa memperoleh semangat untuk terus menghasilkan produk yang berkualiti tinggi.⁸ Usaha menyediakan rangka bantuan modal dan dana secara langsung mampu menggalakkan bidang keusahawanan di Terengganu berkembang dalam kelompok yang lebih besar. Sungguhpun "*cottage industries*" dianggap sebagai enjin pertumbuhan ekonomi sehingga mampu mencetuskan daya saing yang tinggi dalam kalangan pengusaha Melayu, namun sektor ini seharusnya diteroka oleh pengusaha-pengusaha Melayu pada ketika itu.⁹ Dalam hal ini, British mula memberikan perhatian yang agak khusus untuk memajukan kraf masyarakat peribumi dengan mengadakan pusat latihan, menubuhkan badan-badan penting serta membuka pasaran dengan lebih besar untuk menjana pendapatan melalui keuntungan daripada kegiatan-kegiatan perusahaan. Matlamat kerajaan pada ketika itu, sekiranya ekonomi negeri berada dalam keadaan yang stabil, maka kadar kemiskinan rakyat mampu dikurangkan.¹⁰

Dari sudut perusahaan yang lain seperti perusahaan kapal loyang, didapati perusahaan tersebut telah wujud dalam kalangan masyarakat Melayu sekitar awal abad ke-20. Minat dan juga kemahiran yang telah sedia ada secara langsung membuka ruang kepada mereka untuk memperluaskan lagi kegiatan perusahaan tersebut. Malah, faktor kemahiran tersebut telah dipertanggungjawabkan sebagai salah satu elemen yang turut membantu mengukuhkan lagi perusahaan pembuatan kapal loyang pada ketika itu. Kepakaran dan juga kemahiran yang terdapat dalam kalangan mereka telah membawa pengiktirafan oleh masyarakat barat bahawa masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat yang cerdik dan kreatif dalam pelbagai kegiatan perusahaan termasuk perusahaan pembuatan antik.¹¹ Kesan daripada usaha yang dijalankan oleh golongan elit tradisi dan pegawai British, telah membawa satu bentuk ekonomi yang seimbang dari sudut taraf pekerjaan. Sekitar tahun 1911, taraf kemajuan dari segi pekerjaan masyarakat Melayu mula mengalami perubahan apabila kaum lelaki dan wanita Melayu mula berubah ke arah bentuk pekerjaan seperti buruh, artisan dan juga bekerja sendiri.¹²

Langkah Pihak Kerajaan Dalam Memajukan Kegiatan Perusahaan

Memperkenalkan Pendidikan Berbentuk Kraftangan

Perkembangan sesuatu masyarakat berkait rapat dengan sistem pendidikan yang terdapat dalam sesuatu kelompok masyarakat di Tanah Melayu. Ini kerana, pelajaran ialah ejen dan alat penggerak utama ke arah perubahan masyarakat dari bersifat statik dan tradisional kepada masyarakat yang lebih maju dan progresif.¹³ Pentingnya pendidikan dalam kehidupan seseorang itu adalah nyata. Sekiranya seseorang anak itu tidak memperoleh pendidikan yang

sempurna, lazimnya mereka akan dianggap sebagai beban kepada masyarakat dan kurang berguna daripada segi pembangunan negara.¹⁴

Pada peringkat awal penglibatan British pada zaman penjajahan, sistem pendidikan yang diperkenalkan merupakan satu bentuk pendidikan yang asas atau peringkat rendah sahaja. Ini kerana, British pada ketika itu tidak mahu anak-anak Melayu memiliki pendidikan yang tinggi kerana mereka beranggapan bahawa dengan pendidikan tinggi yang dimiliki, mampu membawa mereka ke arah satu bentuk penentangan secara berterusan.¹⁵ Dengan kesedaran yang tercetus dalam kalangan pihak kerajaan dan juga ibu bapa, sekitar 1915 sebuah Sekolah Melayu telah ditubuhkan di Terengganu dengan pelantikan seorang guru dan lapan orang murid ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.¹⁶ Berlatar belakangkan pendidikan Inggeris yang dimiliki oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, secara langsung membuka ruang kepada baginda untuk menyalurkan sistem pendidikan formal kepada masyarakat tempatan. Pada ketika itulah, Sekolah Vernakular mula ditubuhkan sekitar 1920 di Chukai, Kemasik, Paka, Marang, Setiu dan Besut serta Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman pula ditubuhkan sekitar 1921.¹⁷

Walau bagaimanapun, bagi memberikan impak yang besar terhadap negeri dan usaha meningkatkan kegiatan perusahaan kraftangan, baginda mula menubuhkan Sekolah Pertukangan di Terengganu dengan jumlah pendaftaran pelajar seramai 23 orang dan dua orang tenaga pengajar untuk mengajar mata pelajaran pertukangan, perancangan dan taksiran.¹⁸ Bagi memperlengkapkan program di sekolah tersebut, Ketua Pelajaran Terengganu mula melantik Cikgu Abdullah bin Ismail sebagai guru tetap matapelajaran pertukangan.¹⁹ Malah, penuntut-penuntut di Sekolah Pertukangan juga akan diberikan elaun khas bagi membolehkan mereka menampung kewangan sepanjang tempoh pembelajaran. Pada tahun pertama, elaun akan diberikan sebanyak \$30 manakala tahun kedua elaun akan diberikan sebanyak \$40.²⁰ Selain menerima pendidikan di Sekolah Pertukangan Terengganu, pelajar-pelajar yang dilihat berpotensi dalam bidang pertukangan akan dihantar di Sekolah Pertukangan di Kuala Lumpur untuk menimba ilmu.²¹ Konsep yang diperkenalkan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah secara langsung memperlihatkan bahawa pihak kerajaan sehala untuk melaksanakan perubahan yang positif melalui inovasi yang menyeluruh dalam kalangan masyarakat Melayu. Tidak sekadar itu, generasi inilah yang kemudiannya akan disasarkan sebagai pengusaha-pengusaha terkenal untuk menghasilkan pelbagai produk kraftangan yang berkualiti pada masa akan datang.²²

Menjejak perkembangan yang sama, 'Persekutuan Guru-Guru Trengganu' turut menyokong penuh usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan.²³ Selain Sekolah Pertukangan, *Public Work Department of Terengganu (P.W.D.T)* turut menubuhkan sekolah yang sederhana besar kepada golongan artisan bagi memudahkan mereka menerima ilmu pengetahuan berkaitan seni dan kraftangan. Selari dengan perkembangan dalam bidang pendidikan kraftangan, langkah-langkah kerajaan bukanlah tertumpu kepada pelajar lelaki semata-mata, malah pelajar perempuan juga turut diberikan keutamaan. Sehubungan dengan itu, penubuhan Sekolah Tengku Ampuan Mariam²⁴ mula diperkenalkan sebagai salah satu usaha kerajaan untuk mengukuhkan keupayaan dan kebolehan yang terdapat pada golongan wanita. Sifat sukakan aktiviti menyulam, mencelup dan menenun merupakan satu sifat semulajadi yang dimiliki oleh seorang wanita. Oleh itu, pengenalan matapelajaran bertenun di Sekolah Tengku Ampuan Mariam merupakan satu keputusan tepat diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha melahirkan lebih ramai golongan pengusaha wanita yang mahir dalam kegiatan perusahaan tekstil.

Sebagai langkah awal sebelum matapelajaran bertenun dimulakan di sekolah tersebut, Ketua Pelajaran Terengganu bercadang supaya dipasang dua “kir”²⁵ bagi tujuan penenunan. Memandangkan ruang untuk memasang peralatan-peralatan tenunan agak terhad dan tidak cukup besar, maka Pejabat Pelajaran Terengganu memohon pemulangan “stor” padi yang dipinjam oleh Pejabat Kerja Raya Terengganu agar stor padi tersebut dapat dijadikan sebagai sebuah tempat pemasangan peralatan-peralatan tenunan. Malah, untuk memberikan keselesaan kepada pelajar yang akan menghadiri kelas bertenun, Pejabat Pelajaran turut mencadangkan agar pihak kerajaan negeri menghulurkan sedikit bantuan kewangan bagi menampung beberapa perkara penting. Contohnya, bantuan bagi memperbaharui keadaan sekolah yang masih menggunakan dinding dan tingkap yang diperbuat daripada kajang atau mengkuang. Peruntukan tempat sementara ini adalah sebagai langkah awal kerajaan untuk membantu pelajar sebelum memperoleh tapak pembinaan yang lebih sesuai dan kukuh untuk memulakan pembelajaran tenunan.²⁶

Asas-asas tenunan dianggap penting bagi membolehkan mereka menghasilkan tekstil-tekstil tenunan yang berkualiti. Selain menulis, pelajaran bertenun dianggap satu kaedah baharu oleh kerajaan dalam merealisasikan impian pihak kerajaan untuk menjadikan kegiatan perusahaan sebagai salah satu penyumbang kepada kemajuan ekonomi di Terengganu. Untuk memastikan pelajar-pelajar perempuan mampu menjadi seorang pengusaha atau tenaga kerja yang berkualiti setelah menamatkan pembelajaran, maka guru-guru yang mahir telah ditempatkan di sekolah tersebut.

Pada 1938, Abdul bin Ilyas terpilih sebagai guru khas matapelajaran bertenun di Sekolah Tengku Ampuan Mariam. Ini kerana, pengalaman dalam bidang mencelup dan mewarnakan tekstil yang pernah dimiliki oleh beliau ketika menerima pendidikan di Sultan Idris Training College Kuala Kangsar (SITC), secara langsung menarik minat pihak kerajaan untuk melantik beliau sebagai guru khas di sekolah tersebut. Berikut merupakan aktiviti yang berlangsung di Sekolah Tengku Ampuan Mariam:

Jadual 2: Aktiviti-aktiviti yang berlangsung di Sekolah Tengku Ampuan Mariam

| |
|--|
| Aktiviti mencelup sutera-sutera dengan menggunakan cat yang tidak mudah luntur |
| Aktiviti bertenun dengan menggunakan benang sutera songket dan benang emas |
| Aktiviti menerat kain batik |
| Aktiviti mengayam daripada daun-daun tumbuhan |
| Aktiviti menjahit renda-renda bantal dan kerusi |

Sumber: Pekerjaan Pertukangan Bagi Murid-murid Sekolah Perempuan Terengganu, 6 September 1938, SUK. Tr. 660/1357.

Sebagai kesinambungan kejayaan dalam bidang pendidikan kraftangan, pendedahan ilmu-ilmu berkaitan kraftangan dianggap penting oleh pihak kerajaan pada ketika itu. Forum sedemikian diharapkan dapat menjadi landasan kepada pencetusan daya kerja yang lebih berinovasi dalam kalangan wanita agar mereka mampu berdikari kelak.²⁷ Menurut *Majalah*

Malaya, pada akhir abad ke-19 tercatat bahawa tugas kaum wanita hanya perlu berada di rumah sahaja sebagai ibu dan isteri, menguruskan rumahtangga dan tidak lebih daripada itu.²⁸ Walau bagaimanapun, perspektif tersebut mula berubah menjelang abad ke-20:

Menubuhkan pendidikan dan pengetahuan yang boleh menerbitkan latihan dan asuhan yang sempurna dan menubuhkan peluang pekerjaan dan kehidupan yang boleh melapangkan pencarian kaum perempuan Melayu.²⁹

Sehubungan itu, ternyata langkah-langkah kerajaan mewujudkan sistem pendidikan yang berkonsepkan kraftangan kepada kaum wanita secara langsung mampu memperlihatkan bahawa di situlah wujudnya kepakaran yang sebenarnya. Ini kerana, kebanyakan wanita Melayu sekitar abad ke-20 mempunyai teknik menghasilkan kraf yang cukup unik. Oleh itu, tidak mustahil sekiranya pihak kerajaan memperuntukkan dana³⁰ sebanyak \$4,400.00 setahun³¹ kepada Sekolah Tengku Ampuan Mariam untuk memastikan kegiatan penenunan berjalan dengan kadar yang lebih lancar.³² Bagi mengiktiraf kejayaan sesuatu gerak kerja yang dihasilkan oleh golongan masyarakat, Tengku Ampuan Mariam sentiasa mengadakan sesi lawatan untuk menyaksikan sendiri aktiviti perusahaan yang dijalankan. Pada 20 Mei 1939 beliau bersama-sama isteri Clementi mengadakan sesi lawatan ke Sekolah Teluk Kurau dan pusat tenunan Malaya sekitar 1941 sebagai tanda sokongan ke atas industri tenunan di Terengganu yang dilihat semakin berkembang.³³

Oleh itu, jelas memperlihatkan bahawa matapelajaran tenunan yang diperkenalkan di Sekolah Perempuan Tengku Ampuan Mariam merupakan salah satu minat beliau yang mendalam terhadap sumber unik yang disifatkan sebagai turun menurun tersebut.³⁴ Peranan wanita pada ketika itu tidak terhad semata-mata sebagai suri rumah, malah peranan mereka dilihat telah mengalami proses transformasi yang besar dalam bidang pendidikan mahupun bidang ekonomi sekitar awal abad ke-20.

Penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris sekitar 1921 turut menarik minat pihak kerajaan untuk menghantar tiga orang pelajar Melayu untuk mengikuti pengajian pertukangan tangan dan pertanian.³⁵ Peruntukan yang dikeluarkan sebanyak \$1,000-\$1,700 setahun merupakan salah satu usaha pihak kerajaan untuk membantu pelajar Melayu ke arah landasan yang lebih stabil dalam bidang pendidikan.³⁶ Selain berminat dengan kegiatan perusahaan tembaga, besi dan produk-produk kraftangan yang lain, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah juga berminat terhadap seni pertukangan perak yang dijalankan oleh masyarakat Melayu. Disebabkan amat berminat dengan kegiatan pertukangan perak, sekitar 1938 baginda bersama Tengku Ampuan Mariam mengadakan sesi lawatan ke Bangkok kerana Bangkok merupakan antara negara yang maju dalam bidang perusahaan perak pada ketika itu.³⁷ Oleh itu, bukanlah sesuatu yang menghairankan sekiranya pihak kerajaan sentiasa menyalurkan dana kepada sekolah-sekolah pertukangan sebagai tanda sokongan pihak kerajaan terhadap kemajuan bidang kraftangan pada ketika itu. Contohnya, sekitar 1941 dana sebanyak \$350 setahun telah disalurkan kepada *Malay School Handicrafts*.³⁸

Memantapkan Peranan Pegawai Tadbir Negeri.

Usaha-usaha peringkat awal kerajaan Terengganu dalam memartabatkan kegiatan perusahaan sebagai sebuah ekonomi terpenting turut dimainkan oleh Haji Ngah@Muhammad B. Yusof.³⁹ Pelantikan beliau sebagai Dato' Seri Amar Diraja dan kemudiannya sebagai Menteri Besar

Terengganu oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada 1924, secara langsung membantu kelancaran sistem pentadbiran negeri pada ketika itu. Walaupun Dato' Seri Amar bukanlah keturunan diraja, namun disebabkan kebajikan dan kepercayaan sultan, beliau berjaya menggalas tugas sebagai seorang menteri. Pengaruh yang dimainkan oleh Haji Ngah@Muhammad B. Yusof begitu kuat sehingga berjaya menarik kepercayaan sultan terhadap beliau sekitar abad ke-20. Pada peringkat awal dalam lingkungan tahun 1839 sehingga 1900 sebelum pelantikan beliau sebagai Dato' Seri Amar Diraja, beliau hanya menjawat jawatan sebagai Pelatih Kerani sahaja. Kemudiannya, pada 1903 hingga 1917, beliau dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kerajaan (Sultan Zainal Abidin III) dan ahli Majlis Mesyuarat. Pada 1917, beliau dilantik pula sebagai Naib Menteri Besar dan pada 1924, beliau kemudiannya dilantik sebagai Menteri Besar dan menjalankan beberapa urusan penting yang melibatkan kemajuan negeri. Jawatan-jawatan yang dilantik secara jelas memperlihatkan bahawa begitu besar pengaruh beliau terhadap kerajaan pada ketika itu. Tugas seorang menteri yang dikatakan agak besar pada ketika itu berjaya digalas sehingga beliau mampu menjadi seorang pentadbir yang amat berpengaruh. Oleh kerana mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam pentadbiran Terengganu, beliau telah dianugerahkan *Commander of the British Empire* oleh kerajaan British sekitar 1925.⁴⁰ Dengan kepercayaan yang begitu kuat oleh semua golongan sama ada golongan atasan dan golongan bawahan, secara langsung membuka peluang besar untuk beliau menjalankan usaha-usaha bagi memajukan kegiatan politik, ekonomi dan sosial. Di bawah matlamat beliau, turut diselitkan hasrat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di samping menjana pendapatan negeri. Kewujudan pelbagai langkah kerajaan untuk meningkatkan taraf mobiliti sosial penduduk terhadap ekonomi perusahaan turut membantu perolehan pendapatan sampingan kepada mereka. Kegiatan ekonomi yang berada di paras secukup hidup tidak banyak memberikan cabaran kepada mereka untuk menguasai ekonomi yang lebih tinggi parasnya. Oleh itu, sebagai langkah ke arah mencipta daya modenisasi dalam kalangan masyarakat tempatan, beliau mula menjalankan langkah penting dengan menggalakkan penduduk tempatan agar membuka perusahaan dan perniagaan sendiri selain tertumpu kepada bidang pertanian semata-mata.⁴¹

Untuk meraih peluang besar daripada dagangan, galakan kepada masyarakat Melayu agar memberikan tumpuan terhadap kegiatan perusahaan tenunan songket menjadi salah satu langkah utama yang dijalankan oleh beliau.⁴² Ini kerana, keunikan dan kualiti tinggi yang dimiliki oleh tekstil buatan Terengganu dianggap sebagai pemudah cara ke arah membentuk keuntungan dagangan yang penting pada ketika itu.⁴³ Selain tekstil, tumpuan terhadap perusahaan tembaga turut diketengahkan tatkala kedua-dua sumber ini memberikan nilai keuntungan yang amat memberangsangkan kepada negeri pada ketika itu.⁴⁴

Pada 1934, sebagai pemangku raja beliau turut bersetuju dengan cadangan pegawai-pegawai British untuk mengadakan pertunjukkan tanaman dan pertukangan tangan di Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu dan Besut. Pertumbuhan pesat yang ditunjukkan oleh kemajuan perusahaan tekstil tempatan menjadikan sektor ini sebagai segmen perniagaan yang berpotensi tinggi untuk dimajukan.⁴⁵ Pertunjukan yang akan dibantu oleh Penolong Penasihat British bagi daerah masing-masing secara langsung mampu menyumbangkan kepada pengunjuran pendapatan negeri sekali gus memperlihatkan komitmen tinggi pihak kerajaan dalam membuka peluang yang sama rata kepada pengusaha lelaki mahupun pengusaha wanita.⁴⁶ Kesungguhan dan komitmen kerajaan dalam membangunkan ekonomi perusahaan tekstil, perahu dan tembaga turut direalisasikan dengan pelbagai inisiatif, program dan strategi yang dirangka. Contohnya pada 1938 kerajaan menyalurkan modal sebanyak \$50-\$500 kepada pihak Jawatankuasa Pameran Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur

sebagai tanda sokongan pihak kerajaan terhadap pameran-pameran yang dilakukan.⁴⁷ Saluran modal yang dibekalkan bukan sekadar tanda sokongan kerajaan, malah turut dianggap sebagai rangka utama bagi menetapkan hala tuju strategik perkembangan kegiatan perusahaan pada ketika itu.⁴⁸

Senario yang berlaku ketika pemerintahan Haji Ngah@Muhammad B. Yusof mula dianggap oleh masyarakat tempatan sebagai seorang pemimpin negeri yang amat konsisten.⁴⁹ Selaras dengan daya kepimpinan yang ditonjolkan, tidak mustahil J.L Humpreys turut beranggapan bahawa beliau sememangnya seorang pemimpin yang mempunyai kecekapan dan kebijaksanaan yang tersendiri sehingga disifatkan sebagai “*Hj. Ngah is a man of great intelligence and audacity who has every reason to dread the advent of a British Adviser*”.⁵⁰

Bagi Kelantan pula, Datok Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan memohon pembesar-pembesar Kelantan agar menyiasat mengenai kegiatan perusahaan tekstil pada ketika itu sebagai langkah awal kerajaan untuk memajukannya. Makluman mengenai Manager Mercantile Bank bercadang agar Kerajaan Kelantan melaburkan modal dalam bank tersebut sebagai langkah awal agar segala perancangan mengenai kemajuan kegiatan perusahaan berjaya dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kerajaan berpendapat bahawa pelaburan yang akan dilakukan sama sekali tidak membawa keuntungan terhadap masyarakat Melayu. Oleh itu, Datok Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan bercadang agar tekstil-tekstil yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dihantar ke Kuala Lumpur dan London untuk memperoleh jualan dan pelaburan yang lebih besar.⁵¹

Selain di Kuala Lumpur, saluran modal sebanyak \$50 turut diberikan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah sebagai persediaan ahli jawatankuasa pameran untuk mengadakan pameran di Kuala Terengganu sekitar 1936.⁵² Menjelang 1940 pula, sekali lagi modal sebanyak \$500 disalurkan atas penyertaan Terengganu dalam pameran perusahaan di Kuala Lumpur.⁵³ Pencapaian demi pencapaian yang berlaku mampu membuktikan bahawa perkembangan kegiatan perusahaan di Terengganu berupaya melahirkan lebih ramai usahawan dan pengusaha tempatan yang maju dalam kehidupan.⁵⁴ Oleh itu, usaha kerajaan dilihat berterusan apabila modal sebanyak \$1,000 disalurkan sekali lagi sebagai perbelanjaan ke pertunjukan bagi seluruh tanah jajahan di Terengganu sekitar 1941.⁵⁵

Jadual 3: Anggaran Perbelanjaan Pertunjukan di Terengganu Terhadap Empat Buah Daerah Pada 1937

| Bil | Nama Daerah | Perkara | Jumlah Saluran Modal (\$) |
|---------------|---------------|--|---------------------------|
| 1 | Kemaman | Pertunjukan telah diadakan pada hari lawatan Tuan Yang Terutama High Commissioner Negeri-negeri Melayu | 250 |
| 2 | Besut | Pertunjukan ditetapkan pada 23 Jun 1937 | 400 |
| 3 | Ulu Trengganu | Pertunjukan yang dicadangkan hendak diadakan pada 18 Ogos 1937 | 200 |
| 4 | Ulu Dungun | Pertunjukan yang telah ditetapkan pada 3 Ogos 1937 | 150 |
| JUMLAH | | | \$1,000 |

Sumber: *Agricultural Show at Kuala Jengal, Ulu Dungun, C.L.M 177/1937.*

Kesan Penglibatan Masyarakat Melayu Dalam Kegiatan Perusahaan

Menambah Sumber Pendapatan

Di sebalik perkembangan kegiatan perusahaan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu jelas memperlihatkan ia memberikan beberapa kesan. Antara kesan yang paling ketara ialah dapat menambah sumber pendapatan terutamanya kepada pengusaha yang terlibat. Sebagai contoh dalam kegiatan perusahaan tekstil. Ini kerana, 9 hingga 10 peratus hasil daripada lapan jam waktu bekerja setiap hari cukup membantu pengusaha pada ketika itu.⁵⁶ Antara pengusaha terkemuka yang mampu menjana pendapatan hasil kegiatan perusahaan tekstil ialah Che Mek binti Ishak. Ketika itu, beliau mampu memperoleh pendapatan sebanyak \$600 hasil daripada keuntungan penjualan tekstil iaitu songket benang emas di pameran yang diadakan di Kuala Lumpur sekitar tahun 1937.⁵⁷ Didapati, usaha beliau dengan bekerja setiap hari untuk menghasilkan tekstil berjaya memberikan sumber pendapatan lumayan sehinggakan hasil tekstil beliau dipamerkan di pameran Kuala Lumpur. Hebatnya seorang pengusaha wanita Melayu, tekstil yang dihasilkan tidak menggunakan mesin yang berteknologi tinggi namun hanya menggunakan keunikan yang dimiliki daripada hasil kerja tangan.⁵⁸ Malah, terdapat dalam kalangan mereka yang hanya menjalankan kegiatan tersebut di bawah rumah sahaja.

Nilai-nilai keistimewaan ini membawa kemampuan kepada mereka untuk bersaing dengan wanita lain di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB).⁵⁹ Walaupun hanya menjalankan kegiatan perusahaan menghasilkan tekstil hanya di bawah rumah, namun pengusaha wanita mampu memperoleh sumber pendapatan antara \$0.60 sen sehingga \$2 sehari untuk empat helai kain tenunan sarong bergantung kepada metarial kain yang dihasilkan. *“The payment for weaving sarongs is usually \$2 for five pieces (the materials being provided by the employers): each piece takes an average of four days to weave.”*⁶⁰ Dengan pendapatan ini, tidak mustahil pengusaha wanita boleh mencecah seramai 13,937 pada tahun 1912.⁶¹ Apa yang menarik untuk diperjelaskan, keunikan serta kemajuan kegiatan perusahaan tekstil di Terengganu, tekstil mula menerima pengiktirafan *Malaya Borneo Exhibition (MBE)*.⁶² Walaupun Terengganu merupakan negeri yang agak lambat diiktiraf sehingga ke peringkat M.B.E, namun dengan peranan penting yang dimainkan oleh badan tersebut, ternyata nilai keunikan tekstil yang dihasilkan berjaya menerima sambutan daripada masyarakat tempatan. Malah, Terengganu juga menerima banyak pingat dan sijil apabila menyertai pameran yang dianjurkan oleh M.B.E.⁶³ Pada tahun 1919, J. L. Humpreys pernah melawat persekitaran Istana Kolam Terengganu. Beliau begitu kagum dengan aktiviti bertenun yang dijalankan oleh 20 orang pengusaha wanita Melayu.⁶⁴ Beliau melihat bahawa ketekunan seorang pengusaha wanita dalam menghasilkan sehelai kain tenunan mampu membuktikan bahawa sememangnya mereka cukup bijak, sekali gus mengambil peluang yang ada untuk melebarkan sayap perniagaan yang diceburi pada ketika itu. Di situ, *“perkembangan”*⁶⁵ perusahaan tekstil berlaku walaupun dalam menghasilkan sehelai tekstil mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk disiapkan dengan hasil yang mampu memberikan kesenangan kepada keluarga.

Kesan daripada nilai pendapatan inilah, pengusaha wanita dilihat begitu bijak mengambil peluang untuk memperoleh pendapatan hidup serta meneroka peluang perniagaan.⁶⁶ Malah, terdapat dalam kalangan mereka yang berniaga ke negeri jiran untuk memperoleh pendapatan yang lebih lumayan. *“In the neighbourhood of Trengganu town there are few without one or more hand-loom constantly at work”*.⁶⁷ Walaupun menjelang pertengahan abad ke-20, kemakmuran dan kemajuan wanita Melayu di Terengganu diukur

berdasarkan kepada jumlah barang kemas yang dipakai dan dimiliki sebanyak 90 peratus, namun mereka tetap menganggap kelebihan yang ada dalam hasil kerja tangan satu kelebihan dan memberikan nilai kemodenan dalam kehidupan dan ekonomi. Malah, nilai keistimewaan yang ada pada seorang pakar tenun merupakan salah satu ciri keistimewaan.⁶⁸ Oleh itu, tidak mustahil terdapat dalam kalangan mereka yang membawa bersama-sama alat tenunan apabila berkahwin dengan kerabat diraja mahupun rakyat biasa.⁶⁹

*A test of the prosperity of a Malay people is the quantity and quality of the jewelry worn by the women: the almost complete lack of female adornment in Trengganu is conclusive proof of the poverty of 90 per cent. Of the population.*⁷⁰

Walau bagaimanapun, berbeza dengan pengusaha atau peniaga wanita di Kelantan. Kebanyakan mereka menjadikan emas sebagai satu bentuk nilai pertukaran yang diiktiraf. Malah, majoriti pengusaha atau peniaga wanita di Kelantan memakai barangan kemas hampir 95 peratus ketika aktiviti perniagaan dijalankan di pasar-pasar seperti Pasar Siti Khadijah. Menurut Syukor Hashim, emas merupakan simbol kekayaan, kekuasaan, kejayaan dan kecantikan bagi seseorang wanita. Oleh itu, tidak mustahil emas dijadikan sumber kekayaan terpenting kepada wanita di Kelantan kerana emas telah dijadikan sebagai nilai tambah yang cukup tinggi untuk menampung keperluan keluarga.⁷¹

Selain tekstil, pendapatan daripada kegiatan perusahaan perahu juga turut memberikan sumber pendapatan yang cukup lumayan kepada pengusaha. Sekiranya penghasilan tekstil melibatkan pengusaha wanita, namun dalam kegiatan perusahaan perahu kebanyakannya melibatkan pengusaha lelaki. Sebagai contoh seorang pengusaha terkenal iaitu Wan Kadir dan Nakhoda Cik Ali yang merupakan antara pengusaha perahu besar termashyur sekitar abad ke-20 di Terengganu. Daya inovasi dan kreatif menghasilkan perahu tanpa menggunakan “kun” atau pelan yang berteknologi tinggi secara langsung memperlihatkan bahawa pengusaha perahu di Terengganu cukup berkemahiran. Malah, mereka juga menggunakan kayu yang cukup berkualiti iaitu kayu cengal yang banyak diperoleh dari Besut. Kebanyakan perahu besar yang dihasilkan oleh pengusaha perahu mampu memuatkan pelbagai jenis barangan perdagangan kerana diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi.⁷²

Selain itu, penghasilan perahu tanpa menggunakan paku dan hanya menggunakan sistem pasak, menggunakan kayu cengal serta halus pembuatannya secara langsung berjaya menarik minat negeri lain untuk memiliki perahu yang dicipta oleh pengusaha Terengganu. Sebagai contoh pada tahun 1930, kerajaan Johor telah menempah sebanyak dua buah perahu dari Terengganu untuk dijadikan sebagai pengangkutan air yang utama di Johor pada ketika itu.⁷³ Dengan kemajuan ini, tidak mustahil seorang pengusaha perahu mampu memperoleh pendapatan sebanyak \$500 hingga \$800 sebuah perahu. Antara perahu yang begitu mendapat permintaan ialah Perahu Kolek dan Perahu Jalor yang terdiri dalam pelbagai saiz yang besar dan kecil.⁷⁴

Mengekalkan Nilai Warisan Keluarga

Selain itu, penglibatan masyarakat Melayu dalam pelbagai kegiatan perusahaan di Terengganu turut memberikan kesan apabila ia dapat mengekalkan nilai warisan keluarga. Nilai warisan keluarga yang dimaksudkan ialah, kebanyakan masyarakat Melayu yang terlibat dalam kegiatan perusahaan adalah berasal daripada keluarga yang telah pun mempunyai latar belakang perniagaan sejak turun temurun. Malah, budaya warisan keluarga

juga merupakan amalan yang telah berlaku dari generasi ke generasi yang lain sekitar abad ke-20. Ini menunjukkan bahawa, kebanyakan daripada mereka yang terlibat juga merupakan masyarakat yang cukup inovatif dan kreatif kerana, selain mencari sumber pendapatan mereka juga berjaya mengekalkan peniagaan warisan keluarga yang telah dijalankan sejak turun temurun. “*In Kelantan and Terengganu, the textile industry has been women-connected and controlled for a long history*”.⁷⁵ Oleh itu, ramai dalam kalangan pengusaha yang mempunyai sejarah perniagaan dalam keluarga, sama ada ibu atau bapa terutama terlibat dengan kegiatan perusahaan pada ketika itu. Sebagai contoh dalam kegiatan perusahaan tekstil.

Sejarah telah membuktikan bahawa Terengganu merupakan antara negeri terawal menerima tekstil sebagai salah satu kegiatan ekonomi negeri sekitar abad ke-18⁷⁶ dan abad ke-19.⁷⁷ Ia adalah berdasarkan kepada lawatan Inggeris ke Terengganu dan juga usaha yang telah dijalankan oleh sultan terdahulu seperti Sultan Zainal Abidin I (1708-1733)⁷⁸, Sultan Mansor Syah I (1733-1794)⁷⁹ dan Sultan Baginda Omar (1839-1876)⁸⁰. Oleh itu, tidak mustahil lahirnya pengusaha wanita yang berjaya pada abad ke-20 adalah rentetan daripada sejarah perkembangan perusahaan tekstil pada abad ke-18 dan abad ke-19. Antara warisan yang diperturunkan daripada generasi ke generasi lain yang pertama ialah melalui teknik dan penggunaan warna. Sebagai contoh, penggunaan teknik yang sama serta bahan-bahan yang cukup mudah digunakan oleh pengusaha wanita terkenal iaitu Minah Pelangi pada abad ke-19 dengan hanya menggunakan teknik ikat dan celup pewarna yang dihasilkan daripada alam semulajadi menjadikan teknik tersebut turut digunakan oleh pengusaha wanita menjelang abad ke-20. Teknik pewarnaan semula jadi yang dimaksudkan adalah seperti asam gelugor untuk menghasilkan warna merah, kunyit untuk menghasilkan warna kuning, daun pandan untuk menghasilkan warna hijau, terung untuk menghasilkan warna biru gelap dan sebagainya. Dengan pewarnaan semula jadi ini, secara langsung memudahkan generasi seterusnya mengambil alih perniagaan keluarga kerana teknik-teknik yang digunakan cukup mudah dan kebanyakan hanya menggunakan bahan daripada alam semula jadi sahaja. W.W. Skeat dalam *Silk and Cotton Dyeing by Malay* amat kagum dengan perkembangan kegiatan perusahaan tekstil yang dihasilkan oleh pengusaha wanita Melayu. Ini kerana, kebanyakan tekstil yang dihasilkan oleh pengusaha wanita cukup berkualiti walaupun dengan hanya menggunakan teknik yang mudah serta penggunaan bahan daripada alam semula jadi sahaja.⁸¹

Selain teknik dan penggunaan warna yang cukup mudah digunakan, melalui kegiatan perusahaan juga dapat mengekalkan budaya keluarga. Budaya keluarga yang dimaksudkan ialah kebanyakan masyarakat yang menjalankan kegiatan perusahaan hanya tertumpu kepada tiga budaya utama iaitu menenun songket, mewarna tekstil dan menghasilkan sarong. Ketiga-tiga budaya ini dilihat menjadi perkara asas yang cukup penting sehinggakan ia diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain dengan begitu mudah.

Jadual 4: Aktiviti yang Biasa Dijalankan oleh Sesebuah Keluarga Pengusaha di Terengganu

| NEGERI | AKTIVITI | | | | | |
|---|-----------------|--------------|-----------------|-----------|---------------------|-------------|
| | Menenun Songket | | Mewarna Tekstil | | Menghasilkan Sarong | |
| | L | P | L | P | L | P |
| Terengganu | 64 | *1882 | 16 | *3 | 39 | *309 |
| Kelantan | 36 | 797 | - | 3 | 99 | 250 |
| Kedah | 7 | 19 | - | - | 11 | 93 |
| Johor | 11 | 127 | - | - | 5 | 23 |
| Perlis | - | - | - | - | - | - |
| *L (Lelaki) *P (Perempuan) | | | | | | |


Sumber: *J.E. Nathan, The Census of British Malaya (The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunei. British Malaya, The Colony of The Straits Settlements and The Malay States Under British Protection, Namely The Federated States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang and The States of Johore, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis and Brunei (A Report on The 1931 Cencus and on Certain Problems of Vital Statistics).*

Berdasarkan jadual di atas, Terengganu tetap dilihat merupakan negeri tertinggi dan berjaya mengekalkan tiga budaya yang menjadi tunggak utama kejayaan kegiatan perusahaan tekstil. Ia dapat dilihat di Terengganu, terdapat seramai 1882 orang (menunan songket); tiga orang (mewarna tekstil) dan 309 orang (menghasilkan sarong). Manakala di Kelantan pula merupakan negeri yang kedua tertinggi seramai iaitu 797 orang (menunan songket); Tiga orang (mewarna tekstil) dan 250 orang (menghasilkan sarong). Melihat pula negeri ketiga tertinggi ialah Kedah iaitu seramai 19 orang dalam kegiatan menenun songket; tiada penglibatan dalam kegiatan mewarna tekstil dan seramai 93 orang dalam menghasilkan sarong. Johor pula merupakan negeri keempat tertinggi iaitu seramai 127 orang dalam menenun songket; tiada penglibatan dalam kegiatan mewarna tekstil dan 23 orang dalam menghasilkan sarong. Perlis pula merupakan negeri yang tiada penglibatan wanita dalam ketiga-tiga kegiatan asas.⁸² Ini menunjukkan bahawa dengan tiga perkara asas yang sentiasa diamalkan oleh kebanyakan pengusaha pada abad ke-19, menjadi ikutan dalam kalangan pengusaha pada abad ke-20. Malah, dengan peralatan “kir” yang ditinggalkan oleh generasi sebelumnya juga menjadi asas kepada penglibatan generasi seterusnya. Ini kerana, kebanyakan alatan “kir” akan diletakkan di bawah rumah sahaja dan boleh digunakan oleh ahli keluarga yang berminat untuk menghasilkan tekstil. Sekiranya ketiga-tiga kegiatan tidak diambil alih, ia akan menghilangkan nilai warisan yang telah menjadi amalan turun temurun. Malah, dengan teknik yang cukup mudah serta amalan tiga budaya yang menjadi asas perkembangan kegiatan perusahaan tekstil di Terengganu, menjadikan kegiatan perusahaan tekstil berada tahap yang begitu kukuh. Kesannya, pegawai-pegawai British dengan bangganya mendorong pengusaha untuk terus terlibat dengan pelbagai kegiatan perusahaan kerana ia memberikan tambah nilai yang cukup lumayan. J.L Humphreys yang merupakan Penasihat British pada ketika itu turut menyatakan bahawa masyarakat Melayu sememangnya merupakan seorang usahawan yang mahir dan berani melibatkan diri dalam pelbagai bidang perusahaan.⁸³

Melahirkan Pengusaha yang Berkemahiran Tinggi.

Kesan penglibatan masyarakat Melayu dalam kegiatan perusahaan juga dapat melahirkan pengusaha yang berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh dalam kegiatan perusahaan tembaga. Langkah pihak kerajaan dalam membantu menyalurkan modal kepada golongan pengusaha tembaga secara langsung dapat membantu mereka untuk menghasilkan produk tembaga yang bermutu tinggi. Antara produk tembaga yang begitu menarik perhatian golongan atasan ialah bekas bara. Bekas bara merupakan ciptaan gabungan dua orang pengusaha terkemuka di Terengganu iaitu Encik Mat Omar (Encik Mat Taukeh) dan Encik Abdullah Haji Ali sekitar 1940 dengan menggunakan teknik penghapusan lilin. Teknik penghapusan lilin merupakan satu teknik yang dilakukan dengan gabungan tembaga putih yang menjadikan produk ciptaan tersebut kekal dan tahan lama. Reka bentuk bekas bara ini terdiri daripada empat bahagian yang boleh diceraikan iaitu tudung berbentuk stupa; tempat bara dihiasi dengan ragam hias yang bermotifkan bunga ketola dan salur kacang sebagai pemegang; badan dihiasi indah bermotifkan lebah bergantung, pucuk paku dan buah asam gelugur serta salur kacang sebagai kala dan baki atau alas pelapik bermotifkan lebah tergantung. Keseluruhannya berukuran 119cm tinggi dan bergarisan pusat paling lebar 72.5 cm dan berat 114.7 kg.⁸⁴

Gambar 1: Bekas Bara



Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu, 26 Mac 2013.

Usaha yang berterusan dengan meletakkan perusahaan tembaga sebagai salah satu pendapatan utama negeri, secara langsung memberikan peluang kepada mereka untuk bertapak kukuh dalam kegiatan perusahaan tembaga. Hasil kreatif inilah akhirnya menarik perhatian Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah untuk menjadikan bekas bara tembaga sebagai

hadiah kepada Masjid Abidin, Kuala Terengganu dan digunakan sebagai perasapan wangi-wangian sempena majlis kenduri, tahlil dan lain-lain kebesaran Islam.⁸⁵ Walaupun hasil ciptaan hanya menggabungkan kemahiran dan keunikan teknologi pembuatan secara tradisional oleh tukang-tukang tembaga Melayu, namun kemuncak perkembangan kegiatan perusahaan tembaga tetap memperlihatkan susun atur yang menarik sehingga mampu dijadikan sebagai produk eksport terpenting pada ketika itu. Dengan perhatian yang diambil oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, berjaya melahirkan lebih ramai pengusaha tembaga yang mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya \$5 bagi setiap hasil tembaga yang dijual. Berikut merupakan antara pengusaha tembaga puteh terkenal yang berjaya dilahirkan di Terengganu.⁸⁶

Jadual 4: Senarai Pengusaha Tembaga Puteh Terkenal

| Bil. | Nama Pengusaha | Kemahiran-kemahiran Tertentu dalam Bidang Pembuatan Tembaga |
|-------------|-----------------------|--|
| 1 | Man bin Mat | Membentuk Tanah Liat (Lembangan) |
| 2 | Jusoh A. Rahman | Menampal Tanah Kuning |
| 3 | Abu Bakar A. Kadir | Mencelup Lilin |
| 4 | Mat Zain Mohd | Menampal Tanah atas Lilin |
| 5 | Endut bin Musa | Menampal Tanah atas Pasir |
| 6 | Khamzah Musa | Menampal Tanah atas Sekam |
| 7 | Wan Idris Ali | Menuang Tembaga |
| 8 | Wan Nik | Melarek Tembaga Kasar |
| 9 | Samsudin Ismail | Melarek Tembaga Halus |

Sumber: Agricultural Show Ulu Trengganu 1938, C.L.M 279/37.⁸⁷

Dengan galakan pihak kerajaan, hasil tembaga sentiasa dipamerkan di pameran yang terkemuka. Sebagai contoh, Pameran Pertanian Terengganu yang diadakan di Bengkel P.W.D pada 8 Jun 1935.⁸⁸ Pameran ini merupakan salah satu dasar kerajaan untuk mempromosikan hasil-hasil perusahaan yang terdapat di Terengganu. Istimewanya produk tembaga yang dihasilkan oleh pengusaha, berjaya meletakkannya di bawah *Village Industries Section*.⁸⁹ Produk yang berjaya dikategorikan di bawah *Village Industries Section* merupakan produk yang akan sentiasa menjadi pilihan *Malayan Agri-Horticultural Association (M.A.H.A)* untuk dipamerkan dalam mana-mana pameran anjuran M.A.H.A.⁹⁰ Pengitirafan yang diberikan mampu membuktikan bahawa segala produk yang dihasilkan oleh pengusaha di Terengganu merupakan produk terbaik sehinggakan berjaya menarik M.A.H.A untuk dipamerkan setiap tahun.⁹¹ Sebagai usaha sokongan, sumbangan sebanyak \$10 sehingga \$200 diberikan kepada pengusaha tembaga sebagai bantuan khas kerajaan pada tahun 1936.⁹²

Kesimpulan

Berdasarkan kajian, dapat dirumuskan bahawa tempoh 1900 sehingga 1941 sememangnya suatu jangka masa yang sangat penting dalam melihat sejarah perkembangan kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu. Setelah kegiatan perusahaan tekstil, tembaga dan perahu merupakan antara kegiatan ekonomi yang mampu mengungguli ekonomi negeri sekitar abad ke-20, secara langsung menarik minat pihak kerajaan untuk

melaksanakan pelbagai langkah. Antara langkah yang telah dijalankan ialah memperkenalkan pendidikan berbentuk kraftangan dan peranan yang dimainkan oleh pegawai pentadbir negeri jelas memperlihatkan bahawa kegiatan perusahaan begitu penting pada ketika itu. Kesannya, ia telah memberikan sumber pendapatan, dapat mengekalkan nilai warisan keluarga dan sekali gus melahirkan pengusaha yang berkemahiran tinggi. Sikap yang lebih terbuka menerima segala langkah yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan secara langsung mewujudkan peluang besar kepada golongan pengusaha lelaki dan wanita untuk mencari pengalaman luas dalam kegiatan perusahaan sehinggakan ia berupaya menambahkan sumber pendapatan keluarga. Oleh itu, jelas memperlihatkan bahawa kegiatan perusahaan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu berjaya menyumbang pendapatan ramai pengusaha dan meningkatkan pendapatan ekonomi negeri.

Nota

* **Norazilawati Abd Wahab** (norazilawatiwahab@unisza.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

** **Arba'iyah Mohd Noor** (arbaiyah@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

*** **Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim** (ruzaini@umt.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu.

¹Perusahaan merujuk kepada aktiviti penghasilan sesuatu barangan secara besar-besaran yang melibatkan kerajinan tangan atau kerja tangan (bahan tenunan), tekstil, tembaga, songket dan sebagainya oleh golongan masyarakat setempat. Aktiviti perusahaan ini turut memberikan pulangan yang sangat lumayan kepada orang ramai walaupun pada peringkat awal, kegiatan tersebut sekadar dijalankan secara kecil-kecilan. Ini kerana, modal atau alat kelengkapan yang digunakan untuk menjalankan perusahaan hanyalah menggunakan peralatan yang "mudah" dan banyak menggunakan kerja tangan. Walaupun hanya menggunakan peralatan yang "mudah", namun mereka masih mampu mengeluarkan produk milik sendiri untuk dipasarkan ke dalam mahupun ke luar negeri. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984: Rujuk juga Mohd Fadzilah Kamsah dan Muhammad Zakaria, *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*, Kuala Lumpur: Penerbitan Telaga Biru Sdn. Bhd, 2008, hlm. 1.

² Hanapi Dollah, 'Ekonomi Politik Terengganu Prakolonial: Satu Analisis Mencari Feudalismenya', *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia (PURBA)*, Jil. 4, 1985, hlm. 64.

³ Ruhaizan Sulaiman@Abd Rahim, Ishak Saat&Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim, 'Pentadbiran Kesultanan dan Kolonial British Di Negeri Terengganu 1910-1941', dalam Ishak Saat&Ku Boon Dar (eds), *Sejarah&Rencana Warisan Alam Melayu*, Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2019, hlm. 59.

⁴ British Adviser Terengganu 1921, M414/91: Rujuk juga J.L. Humphreys (British Adviser Terengganu), *The Annual Report of The British Adviser Terengganu For The Year 1924*, hlm. 8.

⁵Census Returns of Terengganu 1912, Secretariat Selangor 2258/1912: Rujuk juga Minta kebenaran Berkenaan Dengan Penduduk Negeri Terengganu 1930, SUK. Tr. 1115/1348. Rujuk juga *Unfederated Malay States Annual Report 1914*, hlm. 5-6: Rujuk juga J.L. Humphreys (British Agent Terengganu), *The Annual Report of the British Agent Terengganu for the Year 1915*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, hlm. 6.

⁶Shaharil Talib, *Pemerintahan dan Rakyat di Terengganu 1881-1942: Suatu Kes Sejarah Petani*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 75: Rujuk juga Commerssioners Lands and Mines, SUK. Tr. 214/1348.

⁷Terengganu Annual Report 1911-1937 (Extract From), SUK. Tr. 1291/1949.

⁸Memorandum daripada Setiuasaha Kerajaan Terengganu kepada Yang Berhormat Ketua Khazanah Besar Dengan Kesejahteraan 5 Safar 1353, Berkenaan Maksud Memajukan Perjalanan dan Menaikkan Mutu Pekerjaan Tenunan dan Tembaga Puteh serta lain-lain Perusaahaan di Terengganu, M.B.O.F. 687/1352. Rujuk juga Berkenaan Pekerjaan Memajukan Pertukangan Tangan SUK. Tr. 811/1352.

⁹Cik Nik binti Ismail merupakan antara pengusaha songket benang emas dan Kain Tengkolok yang terkemuka dan beliau berjaya memenangi hadiah dalam pameran yang dianjurkan oleh MAHA pada 1928. Selain pengusaha wanita, terdapat juga pengusaha lelaki yang berjaya dalam kegiatan perusahaan tekstil. Menurut laporan MAHA 1928, Che Awang bin Omar merupakan antara pengusaha lelaki yang mampu menghasilkan tekstil Kain Telepok di Terengganu pada ketika itu. Malah, beliau turut memenangi hadiah dalam pameran

yang dianjurkan oleh MAHA. Untuk keterangan lanjut sila rujuk, Agricultural MAHA Department-MAHA Magazine 1927-1941, CPR/M338 (72).

¹⁰J.J Sheehan, 'Seventeenth Century Visitors to the Malay Peninsula', *JMBRAS*, Jil.12, No. 2, 1934, hlm. 71.

¹¹ W. Blackwell, 'The New British-Protected Malay States: Kelantan, Trengganu and Kedah', *The Geographical Journal*, Jil. 33, No. 4, 1909, hlm. 483.

¹²Ibid.

¹³ Abdul Rahman Haji Hussain, 'Pelajaran Untuk Orang Melayu', Dewan Masyarakat, Bilangan 6, November 1972, hlm.16.

¹⁴ Zainal Abidin Wahid, Pendidikan Untuk Menegakkan Kebenaran, Dewan Masyarakat, Jilid XI, Bilangan 6, 15 Jun 1973, hlm. 23.

¹⁵Arba'iyah Mohd Noor, 'Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden', *Sejarah*, Jil.17, 2009, hlm. 46-49.

¹⁶ Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai Di Terengganu 1942-1945*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1996, hlm. 12-13.

¹⁷ *Annual Report of Trengganu 1924*, hlm. 17.

¹⁸Pelajaran Melayu Di dalam Trengganu, J.M.B 362/1356.

¹⁹Memorandum daripada Ketua Pelajaran Terengganu kepada Menteri Besar Terengganu 2 Julai 1939, Mengajar Pelan-pelan Kepada Kanak-kanak Sekolah Pertukangan, SUK. Tr. 607/1358.

²⁰Elaun kepada Penuntut-penuntut Kerajaan di dalam Sekolah Pertukangan Melayu Terengganu, SUK.Tr. 704/1356.

²¹Trengganu Abbreviated Report on Education for 1940, C.O 840/2 (373): Rujuk juga *Annual Report Social and Economy Progress of the People of Trengganu for the Year 1937*, Singapore: Government Printing Office, 1938, hlm. 12.

²²*Annual Report on the States of Trengganu for the Year 1927*, hlm. 12.

²³ *Formation of Malay School Teachers Association Trengganu*, B.A.T 967/1938.

²⁴Sekolah Perempuan Tengku Ampuan Mariam telah ditubuhkan pada 4 Mac 1937. Segala perbelanjaan bagi membina Sekolah Perempuan Tengku Ampuan Mariam ini telah dibiayai oleh Tengku Mariam sendiri dengan jumlah sebanyak \$6,000 ringgit. Segala perbelanjaan telah diserahkan kepada Datuk Andika Datuk Luar Encik Kasim. Setelah siap dibina, sekolah tersebut telah dibuka secara rasmi oleh Sultan sulaiman Badrul Alam Shah dan Tengku Ampuan Mariam. Sila rujuk Arba'iyah Mohd Noor, 'Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu', dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (eds), *Kesultanan Melayu Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 174.

²⁵"Kir" atau "Kek" merupakan sebuah alat tenunan yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menghasilkan kain-kain tenunan. "Kir" diperbuat daripada kayu cengal yang berbentuk bingkai kayu empat persegi serta dilengkapi dengan tempat duduk, papan penggulung, kayu pijak karat, pasung, sikat dan lain-lain. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Zubaidah Syawal, 'Sepintas Lalu Mengenai Tenunan Melayu', *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Jil.4, 1985, hlm. 23-24: Rujuk juga Norliza Ramli, 'Sejarah Tenunan Di Terengganu', Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, universiti Pendidikan Sultan Idris, 2000/2001, hlm. 68.

²⁶Hendak Diadakan Pelajaran Bertenun di Sekolah Tengku Ampuan Mariam, 10 September 1940. SUK.Tr. 922/1359: Rujuk juga Berkenaan Bagi Buka Sekolah Perempuan Pada hari Khamis Pukul 5 Petang, SUK.Tr. 146/1355.

²⁷Pekerjaan Pertukangan Bagi Murid-murid Sekolah Perempuan Terengganu, 6 September 1938, SUK. Tr. 660/1357.

²⁸ Hasnah Hussiin, 'Isu Pendidikan Wanita Melayu dalam Akhbar Majalah Pada Tahun 1920-an dan 1930-an', *Jurnal Sejarah*, Jil. 19, 2011, hlm. 136.

²⁹ Pelajaran dan Pekerjaan Anak-anak Perempuan Melayu, Majalah Guru, Mac 1938, hlm. 87-88.

³⁰ Elaun Guru Agama di Sekolah Perempuan Tengku Ampuan Mariam, SUK. Tr. 1063/1356.

³¹ Pekerjaan Pertukangan Bagi Murid-murid Sekolah Perempuan Terengganu, 6 September 1938, SUK.Tr. 660/1357.

³² Ibid.

³³Arba'iyah Mohd Noor, 'Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu', hlm. 175.

³⁴Kerajaan Terengganu memperuntukkan sebanyak \$3,000 untuk menubuhkan Sekolah Perempuan Melayu di Terengganu dan kebanyakan sekolah tersebut dibina di atas tanah wakaf milik kerajaan sendiri. Cadangan pembukaan sekolah adalah pada bulan Julai. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Penubuhan Sekolah Perempuan, M.B.O.F. 787/1349: Rujuk juga Sekolah Perempuan Terengganu, M.B.O.F 35/1350: Rujuk juga Report Lawatan ke Jajahan Timur, S.A 78/1356.

³⁵Number of Student to be Sent for Training at the Sultan Idris College, Tanjung Malim from Unfederated Malay States in 1932, H.C.O 546/1931: Rujuk juga F.A. Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: Allen and Unwin Publisher, 1906, hlm. 87.

- ³⁶ *States of Trengganu Estimates of Revenue & Expenditurer For The Year, 1939*, hlm. 42.
- ³⁷ Arba'iyah Mohd Noor, 'Naskah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu', hlm. 175.
- ³⁸ *Estimates 1941 For The Whole of Trengganu, SUK. Tr. 206/1945.*
- ³⁹ Fatimah Abdullah, 'Haji Ngah@Muhammad B. Yusof: Datuk Seri Amar Trengganu (1900-1940)', *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies (JEBAT)*, Jil. 7/8, 1977, hlm. 86.
- ⁴⁰ Keterangan Mengenai Pengurniaan Bintang Diraja Terengganu, SUK.Tr. 100/1343.
- ⁴¹ *Annual Report of Terengganu, 1927*, hlm. 9.
- ⁴² Zayati Jusoh, 'Datuk Sri Amar Diraja Haji Ngah atau Muhammad bin Yusof: Peranan dan Sumbangannya Kepada Pembangunan Negeri Terengganu', Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001/2002, hlm. 79: Rujuk juga Muhammad Abu Bakar, 'Datuk Seri Amar Diraja atau Muhammad bin Yusof: Ulama Sebagai Pembuat Dasar dan Pentadbir', dalam Fatimah Abdullah (eds), *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd, 1991, hlm. 211.
- ⁴³ Memorandum daripada The British Adviser kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dengan Kesejahteraan 9 Januari 1937, Berkenaan Pekerjaan Memajukan Pertukangan Tangan, SUK.Tr. 811/1352.
- ⁴⁴ Fatimah Abdullah, 'Haji Ngah@Muhammad B. Yusof: Datuk Seri Amar Trengganu (1900-1940)', hlm. 93.
- ⁴⁵ *The Eleventh Malayan Agri-Horticultural Exhibition On June 2nd, 3rd dan 4th 1934, SEL. SECT. G. 1685/1933.*
- ⁴⁶ Pertunjukkan Tanaman dan Pertukangan Tangan di Terengganu, M.B.O.F. 629/1352.
- ⁴⁷ Berkenaan Dengan Pertunjukkan Tanaman dan Duli Yang Maha Mulia Telah Kurniakan Bantuan Sebanyak \$50, SUK.Tr. 36/1354.
- ⁴⁸ Memorandum daripada Penasihat British Terengganu kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu 12 Januari 1938, SUK.Tr. 1027/1356.
- ⁴⁹ Fatimah Abdullah, 'Haji Ngah@Muhammad B. Yusof: Datuk Seri Amar Trengganu (1900-1940)', hlm. 97.
- ⁵⁰ *Ibid.*, hlm. 94.
- ⁵¹ Memorandum daripada R. Clayton (British Adviser to the Government of Kelantan kepada The Director Co-operative Societies Department, F.M.S and S.S Kuala Lumpur 3 Januari 1928, Asks for Assistance in Connection With An Investigation Which He is Carrying Out to Try and Examine the Trade Possibilites of The Various Malayan Arts and Craft, SUK. Kelantan 1631/1927: Rujuk juga Agricultural Department- MAHA Magazine 1927-1941, CPR/ M 339 (146-147).
- ⁵² Memorandum daripada Yang Berhormat Setiausaha Sulit Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu Dengan Amat Kesejahteraan kepada Penasihat British Terengganu 21 Jun 1936, Berkenaan Pertunjukkan Tanaman di Kuala Terengganu, SUK.Tr. 38/1355.
- ⁵³ *Economic To Be Effected 1940, C.L.M 113/40.*
- ⁵⁴ Bayaran Tanggungan Kerajaan Terengganu Atas Persekutuan, Pertunjukkan Tanah Melayu di Kuala Lumpur 17 Februari 1940, B.A.T 60/1359.
- ⁵⁵ Berikut merupakan perbelanjaan negeri terhadap kemajuan kegiatan perusahaan di Terengganu dalam tempoh empat tahun: Tahun 1938 (\$1,013.00); Tahun 1939 (\$997.00); Tahun 1940 (\$1,000) dan Tahun 1941 (\$1,000). Kejayaan sesebuah hasil kraf yang dijual bukan sekadar bergantung kepada kehebatan produk kraf yang dijual semata-mata, namun turut bergantung kepada peranan pihak kerajaan terhadap kemajuan ekonomi perusahaan di Terengganu pada ketika itu. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Agricultural Department Estimates For 1941, C.L.M 310/1940.
- ⁵⁶ J.E. Nathan, The Census of British Malaya (The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunei, hlm. 113. *Annual Report on The State of Trengganu For The Year 1915*, hlm. 6.
- ⁵⁷ B.A.T. 138/1937, Fourteenth Malayan Exhibition 1937
- ⁵⁸ *Unfederated Malay States Annual Report 1914*, hlm. 3.
- ⁵⁹ *The Annual Report of the British Agent Trengganu for the Year 1915*, hlm. 6.
- ⁶⁰ *The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1917*, hlm. 6.
- ⁶¹ Secretariat Selangor 2258/1912, Cencus Returns of Trengganu 1912.
- ⁶² *The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1923*, hlm. 11.
- ⁶³ *S.U.K. Tr. 1291/1949, Terengganu Annual Report 1911-1937 Extract From.*
- ⁶⁴ *H.C.O Trengganu 232/1919, Monthly Journal of The British Agent Trengganu for The Year 1919, H.C.O. Trengganu 232/1919.*
- ⁶⁵ Bagi pandangan Puan Ramlah, "perkembangan" yang berlaku terhadap kegiatan perusahaan tekstil bukan sekadar merujuk kepada "perkembangan" penggunaan teknologi yang tinggi, namun penghasilan corak baharu, kaedah pemasaran yang lebih besar, penghasilan warna yang lebih berkualiti dan kewujudan perniagaan tekstil dalam kalangan masyarakat tempatan turut memperlihatkan satu bentuk "perkembangan" yang besar apatah lagi "perkembangan" tersebut berlaku sekitar abad ke-20. Menurut beliau juga, pada ketika itu hiburan masih lagi terhad di Terengganu. Dengan terhasilnya bunyi alunan yang menarik melalui "torak dan kir" secara langsung

memberikan ruang kepada mereka untuk berhibur di samping menyiapkan tempahan songket. Wawancara dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu, 26 Ogos 2012.

⁶⁶ R. D. Hill, *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 63-64. Rujuk juga Nor Hanim Awang@Mohd Noor, Norfatiha Othman & Nor Hayati Sa'at, 'Pembentukan Usahawan Kraftangan Wanita di Malaysia: Peranan Sikap, Warisan Keluarga dan Pembudayaan Nilai Agama', *Kajian Malaysia*, 2020, hlm. 9.

⁶⁷ *The Annual Report of the British Adviser Trengganu For The Year 1919*, hlm. 7.

⁶⁸ *Unfederated Malay States (U.F.M.S) Annual Report 1919*, hlm. 7.

⁶⁹ Haziyah Hussin, 'Peranan Songket dalam Perkahwinan Melayu: Golongan Istana dan Rakyat Biasa', *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Jil. 17, 2004, hlm. 34.

⁷⁰ *The Annual Report of The British Agent, Trengganu For The Year 1916*, hlm. 8.

⁷¹ Mohd Yusra Abdullah, 'Pelaksanaan Akaun Pelaburan Emas Menurut Perspektif Ekonomi Islam: Kajian di Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad/(KFHMB)', Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012, hlm.115.

⁷² Selain nama-nama di atas, Haji Abdullah bin Muda turut menyatakan beberapa nama pengusaha Melayu terkenal sekitar 1941 seperti Haji Chik, Haji Dir, Ayah Hitam, anak saudara Haji Chik (tidak diketahui namanya), Pak De Wer Tukang, Haji Mat Motor dan Haji Sue bin Haji Mamat. Seiring dengan perkembangan tersebut, perusahaan Perahu Bedar dan Perahu Pinis kemudiannya mula berkembang walaupun masih berada di tahap kecil-kecilan. Perkembangan yang berlaku bukan sekadar membawa pertambahan jumlah pengusaha perahu malah turut membawa pertambahan jumlah nakhoda kapal pada ketika itu. Wawancara dengan Haji Abdullah bin Muda (Pengusaha Perahu Melayu), Kampung Chendering Kuala Terengganu, 27 Ogos 2012.

⁷³ *Terengganu Annual Report A.H. 1438 (8th June 1929-27th May 1930)*, hlm. 18.

⁷⁴ Selain nama-nama di atas, Haji Abdullah bin Muda turut menyatakan beberapa nama pengusaha Melayu terkenal sekitar 1941 seperti Haji Chik, Haji Dir, Ayah Hitam, anak saudara Haji Chik (tidak diketahui namanya), Pak De Wer Tukang, Haji Mat Motor dan Haji Sue bin Haji Mamat. Seiring dengan perkembangan tersebut, perusahaan Perahu Bedar dan Perahu Pinis kemudiannya mula berkembang walaupun masih berada di tahap kecil-kecilan. Perkembangan yang berlaku bukan sekadar membawa pertambahan jumlah pengusaha perahu malah turut membawa pertambahan jumlah nakhoda kapal pada ketika itu. Wawancara dengan Haji Abdullah bin Muda (Pengusaha Perahu Melayu), Kampung Chendering Kuala Terengganu, 27 Ogos 2012.

⁷⁵ Sha'ban Muftah Isma'il, *Women, Economic Growth & Development In Malaysia*, Selangor: S Buku Sdn. Bhd, 1997, hlm. 51.

⁷⁶ Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', *JMBRAS*, Jil. 34, No. 1, 1961, hlm. 17: Rujuk juga Buyong Adil, *Sejarah Trengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 12: Rujuk juga S. Arasaratnam, 'Factors in the Rise, Growth and Decline of Coromandel Ports Circa 1650-1720', dalam Aldershot Gt (eds), *Maritime Trade, Society and European Influence in Southern Asia 1600-1800*, Britain: Variorum Publication, 1995, hlm. 19-20.

⁷⁷ W.W. Skeat, 'The Cambridge University Expedition To The North-Eastern Malay States and to Upper Perak 1899-1990', *JMBRAS*, Jil. 26, No. 4, 1973, hlm. 121.

⁷⁸ Setelah Sultan Zainal Abidin I ditabalkan, kesemua pembesar tempatan berada di bawah pemerintahan baginda. Pengasasan institut kesultanan oleh Sultan Zainal Abidin Shah I menjadi titik tolak pengasasan Kerajaan Negeri Terengganu kerana pengasasannya mampu menyatukan pemerintahan tempatan sebelum ini, yang wujud secara kecil-kecilan dan terpecah. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2009, hlm. 87.

⁷⁹ Sultan Mansor I (Ku Tana Mansor) merupakan merupakan putera Sultan Zainal Abidin Shah I dengan anak Sheikh Abdul Malik bin Syed Abdullah (Tok Pulau Manis). Baginda diputerakan pada 1725 dan dilantik sebagai sultan pada 1733. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Muhammad Salleh Haji Awang, Dato' Setia Jasa (MISBAHA), *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H (1942)*, Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, 1992, hlm. 116: Rujuk juga J. Dunmore, 'French Visitors to Terengganu in the Eighteenth Century', *JMBRAS*, Jil. XLVI, No. 1, 1973, hlm. 154.

⁸⁰ Tengku Omar telah ditabalkan sebagai Sultan Terengganu kesembilan dengan gelaran "Baginda Omar". Pada 1859, baginda mula memerintah kerajaan Terengganu dan telah mendirikan Istana Hijau sebanyak tujuh ruang sekitar 1865. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Arba'iyah Mohd Noor, 'Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu', dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (eds), *Kesultanan Melayu Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 12.

⁸¹ *Report on The Unfederated Malay States (UMS) 1936*, hlm. 26-27.

⁸² Wawancara dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu, 13 Januari 2020.

- ⁸³ Syaharil Talib, 'Sejarah Trengganu Sebelum Penjajahan: Satu Pendekatan Sosial', *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia (WARISAN)*, Jil. 2, 1980/1981, hlm. 10.
- ⁸⁴ Wawancara dengan Encik Mohd Arifin bin Muda, Ketua Bahagian Pendaftaran (Penolong Kurator), Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 25 Mac 2013.
- ⁸⁵ Ibid.
- ⁸⁶ *Agricultural Show Ulu Trengganu 1938, C.L.M 279/37.*
- ⁸⁷ Lawatan Tuan Yang Terutama Sir Shenton Thomas C.M.G dan O.B.E Governor dan High Commissioner bagi Negeri-negeri Melayu berdasarkan Fasal 13 syarat (2) Pemberita Kerajaan dan akan diadakan pertunjukkan pada 26 Mei 1937. Untuk keterangan lanjut sila rujuk *Agricultural Show Ulu Trengganu 1938, C.L.M 279/37.*
- ⁸⁸ P.W.D merujuk kepada *Public Works Department of Terengganu*. Untuk keterangan lanjut sila rujuk *Public Works Department Advance for 1936, B.A.T. 54/1936.*
- ⁸⁹ *Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA)*, 6th Malayan Exhibition, 3-6 August 1928, hlm. 44.
- ⁹⁰ *The Malayan Agricultural Journal*, Kuala Lumpur: Caxton Press LTD, Jil. 27, 1939, hlm. 367.
- ⁹¹ *Thirteenth Malayan Exhibition Kuala Lumpur 1st-4rd Association Kuala Lumpur, C.L.M 249/36.*
- ⁹² Memorandum daripada Collector of Land Revenue Kuala Terengganu kepada Dato' Seri Amar Diraja atas sumbangan yang diberikan 29 Julai 1936, *Contribution Towards The Kuala Trengganu Agri-Cultural Show, L.O.T 404/1936.*

Rujukan

Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai Di Terengganu 1942-1945*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1996.

Abdul Rahman Haji Hussain, 'Pelajaran Untuk Orang Melayu', *Dewan Masyarakat*, Bilangan 6, November 1972.

Agricultural Department Estimates For 1941, C.L.M 310/1940.

Agricultural Show at Kuala Jengal, Ulu Dungun, C.L.M 177/1937.

Agricultural MAHA Department-MAHA Magazine 1927-1941, CPR/M338.

Annual Report on the States of Trengganu for the Year 1927

Annual Report Social and Economy Progress of the People of Trengganu for the Year 1937

Arba'iyah Mohd Noor, 'Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu', dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (eds), *Kesultanan Melayu Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Arba'iyah Mohd Noor, 'Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden', *Sejarah*, Jil.17, 2009.

B.A.T. 138/1937, Fourteenth Malayan Exhibition 1937

Bayaran Tanggungan Kerajaan Terengganu Atas Persekutuan, Pertunjukkan Tanah Melayu di Kuala Lumpur 17 Februari 1940, B.A.T 60/1359.

Berkenaan Maksud Memajukan Perjalanan dan Menaikkan Mutu Pekerjaan Tenunan dan Tembaga Puteh serta lain-lain Perusahaan di Terengganu, M.B.O.F. 687/1352

Berkenaan Dengan Pertunjukan Tanaman dan Duli Yang Maha Mulia Telah Kurniakan Bantuan Sebanyak \$50, SUK.Tr. 36/1354.

Berkenaan Pekerjaan Memajukan Pertukangan Tangan, SUK.Tr. 811/1352

Berkenaan Pertunjukan Tanaman di Kuala Terengganu, SUK.Tr. 38/1355.

Berkenaan Bagi Buka Sekolah Perempuan Pada hari Khamis Pukul 5 Petang, SUK.Tr. 146/1355.

British Adviser Trengganu 1921, M414/91

Buyong Adil, *Sejarah Trengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

Census Returns of Trengganu 1912, Secretariat Selangor 2258/1912

CommerSSIONERS Lands and Mines, SUK. Tr. 214/1348.

Contribution Towards The Kuala Trengganu Agri-Cultural Show, L.O.T 404/1936.

Economic To Be Effected 1940, C.L.M 113/40.

Elaun kepada Penuntut-penuntut Kerajaan di dalam Sekolah Pertukangan Melayu Terengganu, SUK.Tr. 704/1356.

Elaun Guru Agama di Sekolah Perempuan Tengku Ampuan Mariam, SUK. Tr. 1063/1356.
Estimates 1941 For The Whole of Trengganu, SUK. Tr. 206/1945.

Formation of Malay School Teachers Association Trengganu, B.A.T 967/1938

F.A. Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: Allen and Unwin Publisher, 1906.

F.F. Laidlaw, 'Travels in Kelantan, Trengganu and Upper Perak, A Personal Narrarive', *JMBRAS*, Jil. 26, No. 4, 1953.

Hendak Diadakan Pelajaran Bertenun di Sekolah Tengku Ampuan Mariam, 10 September 1940. SUK.Tr. 922/1359.

Hanapi Dollah, 'Ekonomi Politik Trengganu Prakolonial: Satu Analisis Mencari Feudalismenya', *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia (PURBA)*, Jil. 4, 1985.

Hasnah Hussiin, 'Isu Pendidikan Wanita Melayu dalam Akhbar Majalah Pada Tahun 1920-an dan 1930-an', *Jurnal Sejarah*, Jil. 19, 2011.

Haziyah Hussin, 'Aktiviti Seni dan Budaya Lampau: Penghasilan dan Penggunaan Tekstil di Alam Melayu dari Sudut Sejarah Silam', *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies (JEBAT)*, Jil. 33, 2006.

- Haziyah Hussin, 'Peranan Songket dalam Perkahwinan Melayu: Golongan Istana dan Rakyat Biasa', *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Jil. 17, 2004.
- Hugh Clifford, 'Expedition to Trengganu and Kelantan', *JMBRAS*, Jil. 34, No. 1, 1961.
- J.E. Nathan, *The Census of British Malaya (The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunei)*.
- J.J Sheehan, 'Seventeenth Century Visitors to the Malay Peninsula', *JMBRAS*, Jil.12, No. 2, 1934.
- J. Dunmore, 'French Visitors to Terengganu in the Eighteenth Century', *JMBRAS*, Jil. XLVI, No. 1, 1973.
- Madiha Mustafa, 'Masyarakat di Kuala Terengganu pada 1900-1957', Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002/2003.
- Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA), 6th Malayan Exhibition, 3-6 August 1928.
- Memorandum daripada Penasihat British Terengganu kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu 12 Januari 1938, SUK.Tr. 1027/1356.
- Mengajar Pelan-pelan Kepada Kanak-kanak Sekolah Pertukangan, SUK. Tr. 607/1358.
- Minta kebenaran Berkenaan Dengan Penduduk Negeri Terengganu 1930, SUK. Tr. 1115/1348.
- Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2009.
- Mohd Fadzilah Kamsah dan Muhammad Zakaria, *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*, Kuala Lumpur: Penerbitan Telaga Biru Sdn. Bhd, 2008.
- Mohd Yusra Abdullah, 'Pelaksanaan Akaun Pelaburan Emas Menurut Perspektif Ekonomi Islam: Kajian di Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad/(KFHMB)', Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.
- Monthly Journal of The British Agent Trengganu for The Year 1919, H.C.O. Trengganu 232/1919.
- Muhammad Abu Bakar, 'Datuk Seri Amar Diraja atau Muhammad bin Yusof: Ulama Sebagai Pembuat Dasar dan Pentadbir', dalam Fatimah Abdullah (eds), *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd, 1991.
- Muhammad Salleh Haji Awang, Dato' Setia Jasa (MISBAHA), *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H (1942)*, Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, 1992.

- Nor Hanim Awang@Mohd Noor, Norfatiha Othman & Nor Hayati Sa'at, 'Pembentukan Usahawan Kraftangan Wanita di Malaysia: Peranan Sikap, Warisan Keluarga dan Pembudayaan Nilai Agama', *Kajian Malaysia*, 2020.
- Norliza Ramli, 'Sejarah Tenunan Di Terengganu', Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, universiti Pendidikan Sultan Idris, 2000/2001.
- Number of Student to be Sent for Training at the Sultan Idris College, Tanjung Malim from Unfederatad Malay States in 1932, H.C.O 546/1931.
- Pekerjaan Pertukangan Bagi Murid-murid Sekolah Perempuan Terengganu, 6 September 1938, SUK. Tr. 660/1357.
- Pelajaran Melayu Di dalam Trengganu, J.M.B 362/1356.
Pertunjukkan Tanaman dan Pertukangan Tangan di Terengganu, M.B.O.F. 629/1352.
- Pekerjaan Pertukangan Bagi Murid-murid Sekolah Perempuan Terengganu, 6 September 1938, SUK.Tr. 660/1357.
- Public Works Department Advance for 1936, B.A.T. 54/1936.
- Report on The Unfederated Malay States (UMS) 1936.
- Report Lawatan ke Jajahan Timur, S.A 78/1356.
- R. D. Hill, *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.
- Ruhaizan Sulaiman@Abd Rahim, Ishak Saat&Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim, 'Pentadbiran Kesultanan dan Kolonial British Di Negeri Terengganu 1910-1941', dalam Ishak Saat&Ku Boon Dar (eds), *Sejarah&Rencana Warisan Alam Melayu*, Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2019.
- S. Arasaratnam, 'Factors in the Rise, Growth and Decline of Coromandel Ports Circa 1650-1720', dalam Aldershot Gt (eds), *Maritime Trade, Society and European Influence in Southern Asia 1600-1800*, Britain: Variorum Publication, 1995.
- Secretariat Selangor 2258/1912, Cencus Returns of Trengganu 1912.
- Sekolah Perempuan Terengganu, M.B.O.F 35/1350
- Siti Rahmah Mohd. Noor, Sejarah Perkembangan 'Cottage Industries' di Trengganu Dari Abad Ke-18 Hingga Ke Tahun 1970-an, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1977/1978.
- Sha'ban Muftah Isma'il, *Women, Economic Growth & Development In Malaysia*, Selangor: S Buku Sdn. Bhd, 1997.

Shaharil Talib, *Pemerintahan dan Rakyat di Terengganu 1881-1942: Suatu Kes Sejarah Petani*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.

S.U.K. Tr. 1291/1949, Terengganu Annual Report 1911-1937 Extract From.

Syaharil Talib, 'Sejarah Trengganu Sebelum Penjajahan: Satu Pendekatan Sosial', *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia (WARISAN)*, Jil. 2, 1980/1981.

Terengganu Annual Report 1911-1937 (Extract From), SUK. Tr. 1291/1949.

The Annual Report of the British Agent Trengganu for the Year 1915

The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1924

The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1917.

The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1923.

The Annual Report of The British Agent, Trengganu For The Year 1916.

The Annual Report of the British Adviser Trengganu For The Year 1919.

The Elevent Malayan Agri-Horticultural Exhibition On June 2nd, 3rd dan 4th 1934, SEL. SECT. G. 1685/1933.

The Malayan Agricultural Journal, Kuala Lumpur: Caxton Press LTD, Jil. 27, 1939.

Terengganu Annual Report A.H. 1438 (8th June 1929-27th May 1930).

Thirteenth Malayan Exhibition Kuala Lumpur 1st-4rd Association Kuala Lumpur, C.L.M 249/36.

Unfederated Malay States Annual Report 1914.

Unfederated Malay States (U.F.M.S) Annual Report 1919.

Wawancara Haji Abdullah bin Muda (Pengusaha Perahu Melayu), Kampung Chendering Kuala Terengganu, 27 Ogos 2012.

Wawancara dengan Encik Mohd Arifin bin Muda, Ketua Bahagian Pendaftaran (Penolong Kurator), Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 25 Mac 2013.

Wawancara dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu, 26 Ogos 2012.

W. Blackwell, 'The New British-Protected Malay States: Kelantan, Trengganu and Kedah', *The Geographical Journal*, Jil. 33, No. 4, 1909.

W.W. Skeat, 'The Cambridge University Expedition To The North-Eastern Malay States and to Upper Perak 1899-1900', *JMBRAS*, Jil. 26, No. 4, 1973.

W.W. Skeat, 'Reminiscences of the Cambridge University Expedition to the Northeastern Malay States 1899-1900', *JMBRAS*, Jil. 26, No. 4, 1953.

Zayati Jusoh, 'Datuk Sri Amar Diraja Haji Ngah atau Muhammad bin Yusof: Peranan dan Sumbangannya Kepada Pembangunan Negeri Terengganu', Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001/2002.

Zainal Abidin Wahid, Pendidikan Untuk Menegakkan Kebenaran, Dewan Masyarakat, Jilid XI, Bilangan 6, 15 Jun 1973.

Zubaidah Syawal, 'Sepintas Lalu Mengenai Tenunan Melayu', *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Jil.4, 1985.